

## **KUIZ PNB 2008: PASUKAN UMS KUTIP PENGALAMAN BERHARGA**

Walaupun gagal meraih tiga tempat teratas dalam Pertandingan Kuiz PNB 2008, namun pasukan UMS yang diwakili oleh pelajar-pelajar Sekolah Perniagaan & Ekonomi telah meraih pengalaman berguna untuk menghadapi cabaran yang sama tahun hadapan.

Pada tahun ini telah menyaksikan penglibatan 22 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan jumlah pasukan terlibat sebanyak 57 pasukan. Manakala UMS sendiri turut menghantar dua pasukan yang diwakili oleh pelajar-pelajar program Ekonomi Kewangan dan Pengurusan Kewangan Perbankan. Pertandingan telah berlangsung pada 25-26 Ogos 2008 di Dewan Seri Endon, Presint 10, Putrajaya dan Palm Garden Hotel, Putrajaya

Majlis perasmian Pertandingan Kuiz PNB 2008 telah dirasmikan oleh Prof. Datuk Yusuf Kasim, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi Ketua Pegawai Eksekutif PNB, YBhg Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman turut hadir pada majlis tersebut.

